



### **POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DBKK**

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) komited untuk mencapai tahap piawaian tertinggi bagi mengelakkan percanggahan kepentingan di dalam setiap urusan berkaitan fungsi dan kuasa DBKK.

Polisi Percanggahan Kepentingan adalah satu komitmen DBKK untuk mengelakkan sebarang percanggahan kepentingan peribadi melibatkan Pegawai, Anggota Perkhidmatan DBKK dan Pihak Ketiga dalam sebarang urusan berkaitan perkhidmatan dan operasi DBKK yang boleh menjurus ke arah amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta menimbulkan persepsi buruk terhadap ketelusan dan tanggungjawab Pegawai dan Anggota Perkhidmatan DBKK.

**DBKK komited untuk:**

- a) Memastikan Pegawai dan Anggota Perkhidmatan DBKK mengisyiharkan sebarang perhubungan peribadi atau percanggahan kepentingan di DBKK atau mana-mana mesyuarat, jawatankuasa atau urusan yang melibatkan DBKK. Pengisyiharan dibuat secara bertulis dan direkod serta disimpan oleh urus setia mesyuarat atau jawatankuasa berkenaan.
- b) Memastikan Pegawai dan Anggota Perkhidmatan DBKK tidak menggunakan kuasa atau jawatan serta kedudukan rasmi di DBKK untuk kepentingan peribadi, kewangan, anggota keluarga dan sekutu;
- c) Memastikan Pegawai dan Anggota Perkhidmatan DBKK melaksanakan amanah secara teratur dan telus berdasarkan kepada Enakmen Bandaraya 1996, syarat-syarat pelantikan, pekeliling Perkhidmatan dan undang-undang yang berkaitan; dan tidak akur kepada sebarang pengaruh, arahan dan / atau tekanan dari sebarang pihak lain;
- d) Memastikan Pegawai dan Anggota Perkhidmatan DBKK tidak mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan dengan Pihak Ketiga dan menyalurkan apa-apa maklumat rahsia, sulit dan terperingkat berkaitan DBKK yang membolehkan Pihak Ketiga mendapat manfaat dalam apa- apa urusan rasmi di DBKK;
- e) Memastikan Pegawai dan Anggota Perkhidmatan DBKK tidak memberi atau menerima sebarang bentuk hadiah, keraian bersifat peribadi, imbuhan, suapan dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan dan berurus dengan DBKK;
- f) Melaksanakan tindakan undang-undang yang sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang yang digunakan di dalam Polisi Petanggahan Kepentingan DBKK.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Noorliza Awang Alip".

**DATUK NOORLIZA AWANG ALIP  
MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU**